

**GARIS PANDUAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI
TAHUN 2026**

1. Setiap syarikat perlu mengemaskini dan menghantar maklumat-maklumat pembaharuan lesen Agensi Persendirian bagi tahun 2025 secara dalam talian melalui eSIMS di pautan (<http://www.esims.moha.gov.my/>).
2. Dokumen pembaharuan lesen Agensi Persendirian yang telah lengkap perlu disimpan di dalam **pendrive** dalam bentuk PDF dan *hardcopy* perlu dikemukakan pada **Hari Bertemu Pelanggan (seperti di Lampiran A)** atau di Kaunter Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam dalam **tempoh 3 bulan bermula 1 September hingga 28 November 2025**. Permohonan pembaharuan lesen yang diterima selepas tarikh tutup 30 Disember 2025 akan menyebabkan kelewatan dalam proses pembaharuan dan pengeluaran lesen.
3. Senarai semak permohonan pembaharuan lesen tahun 2026 yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat **hendaklah dikembalikan** bersama dokumen-dokumen di Para 2.
4. Syarikat dikehendaki **melengkapkan maklumat pengawal keselamatan Nepal yang digajikan oleh pihak syarikat di dalam eSIMS** tanpa gagal. Kegagalan berbuat demikian boleh melambatkan proses pembaharuan lesen.
5. Syarikat yang memiliki **lesen 2(b)** dikehendaki **melengkapkan maklumat penyiasat persendirian** di dalam eSIMS.
6. Diingatkan bahawa semakan dokumen akan dilaksanakan pada Hari Bertemu Pelanggan sahaja. Sehubungan itu, syarikat digalakkan untuk membuat janji temu terlebih dahulu melalui [link ini](#) sebelum hadir untuk mengelakkan kesesakan.